

10 SEP 1998

SALOMON SMITH BARNEY DILANTIK SBG PENASIHAT KEWANGAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Salomon Smith Barney dilantik sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan untuk membantu dalam penyusunan semula dan permodalan semula sektor perbankan Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pengumuman itu dalam satu sidang akhbar di sini hari ini.

Syarikat konsultan kewangan antarabangsa itu juga akan menjalankan tugas merekabentuk serta melaksanakan program kewangan yang kukuh apabila keadaan pasaran bersesuaian.

Salomon Smith Barney diasaskan oleh Charles D. Barney, seorang broker saham dan Edward B. Smith, pegawai bank pelaburan, pada abad ke-19.

Smith dan Barney juga perintis kepada industri sekuriti Amerika dan membantu menjadikan Wall Street menjadi pasaran kewangan terkemuka di dunia.

Pada 31 Dis, 1993, Smith Barney menjadi anak syarikat milik penuh Travelers Group Inc, sebuah syarikat perkhidmatan kewangan pelbagai yang terkemuka yang disenaraikan di Bursa Saham New York.

Salomon Inc dan Travelers Group mengumumkan pada 24 Sept, 1997, mereka bersetuju untuk menggabungkan Salomon Inc dengan Smith Barney Holdings, anak syarikat Travelers Group, menjadi sebuah syarikat yang dikenali sebagai Salomon Smith Barney Holdings Inc.

-- BERNAMA

AA ZK MA KHY